




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **172 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,164 kes**. Enam (6) kes kematian direkodkan hari ini iaitu empat (4) kes di daerah Tawau dan dua (2) di Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 70 menjadikan jumlah kumulatif 55,431 orang. Seramai 1,019 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 322 orang di hospital, 632 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 65 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 60 orang dan 18 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan hari ini.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning 12 daerah
- Zon Hijau lima (5) daerah

5 Tiada **kluster** baharu direkodkan hari ini.

- 6 Daripada 172 kes positif COVID-19, sebanyak 53 kes (30.8%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 14 kes (8.2%) saringan bergejala, 90 kes (52.3%) dari kluster sedia ada serta 15 kes (8.7%) dari lain-lain kategori.
  
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,965 unit
  - Hospital 535 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.Peratus penggunaan katil 25.7%.

## **B PKPD DI TIGA TAMAN PERUMAHAN DI LAHAD DATU**

- 1 Sehingga kini, secara keseluruhan sebanyak 45 kes positif COVID-19 telah direkodkan di ketiga-tiga lokaliti tersebut iaitu 24 kes di Taman Aman 3, Taman Aman Jaya (10 kes) dan Taman Palm Height (11 kes).
- 2 KKM juga melaporkan masih berlaku penularan kes dalam kalangan penghuni taman tersebut dan kebanyakan kes melibatkan jangkitan serumah.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Aman 3, Taman Aman Jaya dan Taman Palm Height, Lahad Datu berkuat kuasa 22 April sehingga 5 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD memudahkan tindakan kawalan COVID-19 dengan lebih pantas dan berkesan seterusnya menghalang penularan kes dalam kalangan komuniti.

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **981** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,050** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **13** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,191** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai 1,467 orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 3,173 orang.
- 4 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **4,120** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **437,432** (mysejahtera 396,661 : laman web 40,523 : talian vaksinasi 248) bersamaan 14.9%.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sejumlah **309,343** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 67 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 24,625 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 209 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 78 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

- 2        Sebanyak 17 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Penampang lapan (8) orang
    - Tiada penjarakan sosial
  - Papar dua (2) orang.
    - Gagal memakai pelitup muka
  - Kota Kinabalu tiga (3) orang
    - Gagal menyediakan peralatan atau merekod butiran pelanggan.
  - Tawau dua (2) orang
    - Satu (1) membawa penumpang berlebihan
    - Satu (1) rentas daeeah atau negeri tanpa kebenaran
  - Beluran satu (1) orang
    - Gagal menyediakan peralatan atau merekod butiran pelanggan.
  - Sandakan satu (1) orang
    - Gagal menyediakan peralatan atau merekod butiran pelanggan.
- 3        Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 67 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 22 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan dibuat iaitu masing-masing satu (1) di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4        Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 406 lokasi melibatkan seramai 219 anggota APM.

- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 63 anggota di 70 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Sandakan, Tuaran, Kinabatangan dan Kota Marudu.
- 7 Sejumlah 72 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 16 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 359 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97%**.  
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Semporna	98%
2	Beluran	98%
3	Beaufort	98%
4	Papar	98%
5	Kinabatangan	98%
6	Tenom	98%
7	Kota Marudu	98%
8	Tuaran	97%
9	Keningau	97%
10	Ranau	97%
11	Sipitang	97%
12	Kudat	97%
13	Kota Belud	97%
14	Kunak	96%
15	Penampang	96%
16	Kota Kinabalu	96%
17	Lahad Datu	96%
18	Sandakan	96%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
21 APRIL 2021**